



BAHAGIAN PERKEMBANGAN PERUBATAN
MEDICAL DEVELOPMENT DIVISION
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
MINISTRY OF HEALTH MALAYSIA
JALAN CENDERASARI, 50590 KUALA LUMPUR

Telefon : 03-292519
Fax 03-29349
Kawat MINHEALTH KUAL
LUMPUR
TELEX:MA18102

Ruj. tuan:
Ruj. kami : Bil. (27) KKM
87 (A70/105)
Tarikh : 9 Dis. 2000

Pengarah Kesihatan Negeri
.....

Perpustakaan Ibu Pejabat
Kementerian Kesihatan Malaysia
Jalan Cenderasari
50590 Kuala Lumpur.

Y. Bhg. Dato' /Datin /Tuan /Puan,

SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA BIL. 5 & 6 /2000


1. PEMAKAIAN EPAULET SEBAGAI SEBAHAGIAN PAKAIAN SERAGAM ATENDAN KESIHATAN DI INSTITUSI PSIKIATRI, KKM
2. PELAKSANAAN SISTEM GILIRAN TUGAS MALAM DAN HARI KELEPASAN MALAM DI BAWAH KKM


Merujuk kepada perkara tersebut di atas, bersama-sama ini disertakan surat pekeling KPK bil. 5 /2000 berkaitan dengan pemakaian epaulet sebagai sebahagian pakaian seragam atendan kesihatan di Institusi Psikiatri di bawah KKM dan surat pekeling KPK bil. 6/2000 mengenai pelaksanaan sistem giliran tugas malam dan hari kelepasan malam di bawah KKM untuk makluman dan tindakan Y. Bhg. Dato' /Datin /tuan /puan.

Sekian terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,


(DR. ABDUL GANI BIN HJ. MOHAMMED DIN)
Pengarah Perkembangan Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

s.k - Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)
 - Pengarah Amalan Perubatan, KKM

- Float

jz/HHI/Surat Pekeling

D. Hant

D. Asmah
Prof

**PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
BIL: 5 / 2000**

**PEMAKAIAN EPAULET SEBAGAI SEBAHAGIAN PAKAIAN
SERAGAM ATENDAN KESIHATAN DI INSTITUSI PSIKIATRI**

TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan pemakaian epaulet sebagai sebahagian pakaian seragam atendan kesihatan di institusi psikiatri di seluruh negara.

LATAR BELAKANG

1. Pada masa ini hanya atendan kesihatan di Hospital Bahagia, Hulu Kinta, Perak sahaja yang memakai epaulet sebagai sebahagian dari pakaian seragam mereka. Ini menyebabkan ketidakseragaman pemakaian epaulet di institusi psikiatri diseluruh negara.

2. Dari maklumbalas yang diterima dengan pemakaian epaulet di atas bahu baju pakaian seragam atendan kesihatan akan dapat menunjukkan hiraki penyandang gred jawatan atendan kesihatan, mengariskan peringkat tanggungjawab mengikut gred, menjadikan atendan kesihatan lebih berdisiplin, kemas disamping meningkatkan imej serta memberi dorongan untuk bekerja dengan lebih cemerlang.

PERLAKSANAAN

3. Semua atendan kesihatan yang bertugas di institusi atau wad psikiatri diseluruh negara dikehendaki memakai epaulet mengikut gred jawatan:

- a) Atendan Kesihatan Gred U16 memakai satu (1) jalur merah,
- b) Atendan Kesihatan Gred U15 memakai dua (2) jalur merah,
- c) Atendan Kesihatan Gred U14 memakai tiga (3) jalur merah;

4. Spesifikasi jalur dan warna epaulet:

- i) Warna epaulet - merah
- ii) Ukuran lebar epaulet - 1 cm
- iii) Jarak diantara epaulet - ½ cm.

Contoh epaulet seperti di lampiran.

TARIKH KUATKUASA

Surat Pekeliling ini berkuatkuasa dari tarikh surat ini dikeluarkan.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



(TAN SRI DATO' (DR) ABU BAKAR BIN SULEIMAN)
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia.
Kementerian Kesihatan Malaysia

15 Disember 2000.

s.k.

Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (PT &S)

Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan)

Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)


Semua Ketua Bahagian.

Float.

**GAMBAR PAKAIAN SERAGAM ATENDAN KESIHATAN U14
SEPERTI PEKELILING KPK BIL 5/2000**



**PAKAIAN SERAGAM
ATENDAN KESIHATAN U14
INSTITUSI PSIKIATRI**



TIGA JALUR – Atendan Kesehatan U14

DUA JALUR - Atendan Kesehatan U15

JALUR MERAH – Lebar 1 cm

JARAK ANTARA JALUR – ½ cm

PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

BIL: 6 / 2000

PELAKSANAAN SISTEM GILIRAN TUGAS MALAM DAN HARI KELEPASAN MALAM DI BAWAH KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

1. TUJUAN

Pekeliling ini adalah untuk memaklumkan mengenai pelaksanaan sistem giliran 3 hari bertugas malam dengan 2 hari kelepasan malam untuk digunapakai di semua hospital dan institusi di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1. Pada masa ini Pekeliling, Bahagian Perkhidmatan dan Perjawatan, KKM Bil (24) dlm KKM 201 (32) Bhg. III bertarikh 5 Januari 1989 sistem giliran bertugas 6 malam dengan 4 hari kelepasan malam masih digunapakai.
- 2.2. Dalam masa yang sama kebanyakan hospital melaksanakan sistem bertugas malam berbeza-bebeza seperti 4 malam dengan 3 hari kelepasan, 3 malam dengan 2 hari kelepasan dan 2 malam diikuti 1 hari kelepasan malam.
- 2.3. Disebabkan terdapatnya berbagai cara pelaksanaan diperingkat hospital dan institusi, ianya menimbulkan kekeliruan dikalangan anggota mengenai bilangan hari bekerja dan hari kelepasan malam yang sepatutnya dilaksanakan di hospital/institusi.
- 2.4. Kerja malam yang terlalu panjang menyebabkan masalah sosial dan menurunkan produktiviti kerja.
- 2.5. Hasil dari projek perintis yang dijalankan di beberapa buah hospital mengenai 3 hari bertugas malam dan 2 hari kelepasan malam telah memberikan maklumbalas positif mengenai peningkatan produktiviti, efisyensi, mengurangkan stress dan merapatkan hubungan kekeluargaan.

2.6. Dengan melaksanakan sistem giliran 3 hari tugas malam dan 2 hari kelepasan malam, memenuhi keperluan peruntukan di bawah Perintah Am Bab G bagi waktu kerja diluar waktu pejabat.

3. PELAKSANAAN

Semua hospital-hospital dan institusi dikehendaki melaksanakan sistem giliran 3 hari bertugas malam diikuti dengan 2 hari kelepasan malam. Waktu kerja syif adalah kekal.

4. TARIKH KUATKUASA

Surat Pekeliling ini berkuatkuasa dari tarikh surat ini dikeluarkan.

5. PEMBATALAN

Dengan keluarnya Pekeliling ini Surat Pekeliling Bahagian Perkhidmatan dan Perjawatan Bil (24)d/m. KKM 201 (32) Bhg. III bertarikh 5 Januari 1989 adalah dibatalkan.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'



(TAN SRI DATO' (DR) ABU BAKAR BIN SULEIMAN)
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia
Kementerian Kesihatan Malaysia

15 Disember 2000

s.k.

Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (PT & S)

Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan)

Semua Ketua Bahagian

Float